

# **PENGURUSAN KEGIATAN KOKURIKULUM SUKAN DAN PERMAINAN DI SEKOLAH**

**MOHD FADZLI BIN YUSOF**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2012**

PENGURUSAN KEGIATAN KOKURIKULUM  
SUKAN DAN PERMAINAN DI SEKOLAH

MOHD FADZLI BIN YUSOF

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012

## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22 Oktober 2012

MOHD FADZLI BIN YUSOF  
M20092000856

UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اوپيسى نديديكى سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESUPSI/PS-3/BO 31  
Pind.: 00 m/s: 1/1BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

---

---

No. Matrik / Matric's No.:

---

Saya / I :

---

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Jilid keras), selepas lampiran Pengakuan





## PENGHARGAAN

Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan disertasi ini sebagai syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan).

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Hj. Abdul Raheem bin Mohamad Yusof yang terlalu banyak membantu dalam memberi idea serta sokongan dalam proses saya menyiapkan disertasi ini. Pandangan-pandangan yang membina meluaskan pengetahuan saya dalam bidang ini. Sekali lagi sekalung terima kasih diucapkan.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan buat semua pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris khusus di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi motivasi di sepanjang saya berada di UPSI. Akhir sekali, jutaan terima kasih buat keluarga tersayang, isteri dan anak-anak yang sentiasa memberi perangsang dan iringan doa untuk kejayaan saya. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa kalian.

Sekian, Wassalam.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah dari segi kekangan-kekangan pengurusan kokurikulum seperti kemudahan dan peralatan, penjadualan, dan kemahiran tenaga pengajar dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum. Seramai 341 orang responden di kalangan guru terlibat dalam kajian mewakili 68 responden dari daerah Setiu dan 273 responden dari daerah Kuala Terengganu. Kajian ini bersifat kuantitatif dan menggunakan kaedah kajian tinjauan yang dilaksanakan menggunakan soal selidik. Data kajian yang dikumpul diproses menggunakan perisian SPSS Versi 17. Statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis kekerapan dan peratusan pembolehubah demografi yang ada iaitu jantina, umur, kelulusan, tempoh berkhidmat, lokasi sekolah, kursus sukan yang pernah diikuti oleh responden dan peranan dalam jawatankuasa sukan sekolah. Sementara itu, statistik inferensi digunakan untuk menguji perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian. Bagi tujuan menjawab persoalan-persoalan kajian, ujian korelasi dan regresi digunakan bagi menunjukkan hubungan antara tahap penglibatan pelajar dengan pembolehubah-pembolehubah yang lain. Secara umumnya didapati penjadualan merupakan faktor yang paling mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan pelajar sekolah kawasan bandar dan luar bandar dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.





## MANAGEMENT OF SPORTS AND GAMES CO-CURRICULAR IN SCHOOL

### ABSTRACT

The purpose of this study is to monitor the implementation of co-curricular activities in school sports and games in term of co-management constraints such as facilities and equipment, scheduling and the teacher advisor's skills in implementing co-curricular activities. There are 341 respondents among the teachers involved in this study which comprised of 68 respondents from Setiu and 273 respondents from the district of Kuala Terengganu. This study is quantitative and survey methods which are implemented by using structured questionnaires. Data collected is processed by using SPSS software version 17. Descriptive statistics are used to examine the frequency and percentage of any demographic variables of gender, age, qualifications, period of service, location of schools, sports course were followed by the respondent and the role of the school's sports committee. Meanwhile, the inferential statistics used to examine the relationship between the variables found in the study. To determine the result of the study, coefficients and correlation test are used to show the relationship between the level of student's involvement with other variables. In general, scheduling is a factor that greatly influences student involve in extra-curricular activities in school sports and games. The study also found that there is no significant difference between the involvement of school students in rural with urban areas in sports and games co-curricular activities





## KANDUNGAN

|                |            |
|----------------|------------|
| PENGAKUAN      | MUKA SURAT |
|                | ii         |
| PENGHARGAAN    | iii        |
| ABSTRAK        | iv         |
| ABSTRACT       | v          |
| SENARAI JADUAL | ix         |
| SENARAI RAJAH  | xi         |

## BAB 1 PENDAHULUAN

|     |                                       |    |
|-----|---------------------------------------|----|
| 1.1 | Pengenalan                            | 1  |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian                 | 3  |
| 1.3 | Justifikasi Kajian                    | 9  |
| 1.4 | Penyataan Masalah                     | 9  |
| 1.5 | Objektif Kajian                       | 12 |
| 1.6 | Persoalan Kajian                      | 12 |
| 1.7 | Hipotesis Kajian                      | 13 |
| 1.8 | Kerangka Konseptual                   | 14 |
|     | 1.8.1 Pembolehkan Kajian              | 15 |
| 1.9 | Definisi Istilah                      |    |
|     | 1.9.1 Pengurusan Kokurikulum          | 16 |
|     | 1.9.2 Kemudahan dan Peralatan         | 17 |
|     | 1.9.3 Penjadualan                     | 18 |
|     | 1.9.4 Kemahiran Tenaga Pengajar       | 18 |
|     | 1.9.5 Penglibatan Pelajar             | 19 |
|     | 1.7.6 Kokurikulum Sukan dan Permainan | 20 |







|      |                    |    |
|------|--------------------|----|
| 1.10 | Batasan Kajian     | 21 |
| 1.11 | Kepentingan Kajian | 21 |
| 1.12 | Penutup            | 22 |

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

|     |                                       |    |
|-----|---------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan                            | 24 |
| 2.2 | Kokurikulum                           | 25 |
|     | 2.2.1 Konsep Kokurikulum              | 27 |
|     | 2.2.2 Matlamat kokurikulum            | 31 |
|     | 2.2.3 Objektif Kokurikulum            | 32 |
|     | 2.2.4 Peranan Kokurikulum             | 33 |
|     | 2.2.5 Kokurikulum Sukan Dan Permainan | 34 |
| 2.3 | Pengurusan                            | 41 |
|     | 2.3.1 Pengurusan Kokurikulum          | 43 |

## BAB 3

### METODOLOGI

|     |                                   |    |
|-----|-----------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan                        | 53 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian                | 54 |
| 3.3 | Populasi Dan Sampel Kajian        | 55 |
| 3.4 | Pengumpulan Data                  | 56 |
| 3.5 | Kebolehpercayaan Dan Kesahan Item | 59 |
| 3.6 | Kajian Rintis                     | 60 |
| 3.7 | Analisis Data                     | 63 |

## BAB 4

### ANALISIS DAPATAN KAJIAN

|     |               |    |
|-----|---------------|----|
| 4.1 | Pengenalan    | 66 |
| 4.2 | Analisis Data | 67 |



**BAB 5****PERBINCANGAN**

|     |                            |     |
|-----|----------------------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan                 | 90  |
| 5.2 | Analisis Deskriptif        | 91  |
| 5.3 | Analisis Inferensi         | 95  |
| 5.4 | Rumusan                    | 97  |
| 5.5 | Implikasi dan Sumbangan    | 103 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Masa Depan | 106 |
| 5.7 | Penutup                    | 107 |

**RUJUKAN**

109

**LAMPIRAN**

|    |                                                                                    |     |
|----|------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| A. | Soal Selidik                                                                       | 115 |
| B. | Jadual Penentuan Saiz Sampel                                                       | 124 |
| C. | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada<br>Kementerian Pelajaran Malaysia.     | 126 |
| D. | Surat Pengesahan Item Soal Selidik Daripada<br>Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu | 128 |



## SENARAI JADUAL

| Jadual                                                                                                             | Muka surat |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1 Bilangan guru sekolah menengah daerah Setiu dan Kuala Terengganu                                               | 55         |
| 3.2 Statistik Kebolehpercayaan                                                                                     | 61         |
| 3.3 Statistik Keseluruhan Item                                                                                     | 62         |
| 4.1. Bilangan responden berdasarkan jantina                                                                        | 67         |
| 4.2 Bilangan responden mengikut umur                                                                               | 68         |
| 4.3 Bilangan responden berdasarkan kelulusan akademik                                                              | 69         |
| 4.4 Bilangan responden mengikut tempoh khidmat                                                                     | 69         |
| 4.5 Bilangan responden mengikut tempoh berkhidmat di sekolah sekarang                                              | 70         |
| 4.6 Bilangan responden mengikut lokasi sekolah                                                                     | 71         |
| 4.7 Pengalaman mengikuti kursus sukan                                                                              | 71         |
| 4.8 Peratus guru yang terlibat dalam jawatankuasa sukan sekolah                                                    | 72         |
| 4.9 Korelasi antara penglibatan pelajar dengan kemahiran tenaga pengajar, penjadualan, dan kemudahan dan peralatan | 74         |

|      |                                                                                                                      |    |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.10 | Ujian-t penglibatan pelajar sekolah bandar dan luar bandar                                                           | 75 |
| 4.11 | Sekolah mempunyai guru sukan yang berkemahiran                                                                       | 76 |
| 4.12 | Penglibatan pelajar mengikuti kegiatan kokurikulum sukan dan permainan sangat menggalakkan                           | 77 |
| 4.13 | Korelasi antara pembolehubah                                                                                         | 79 |
| 4.14 | Rumusan Anova faktor yang paling mempengaruhi penglibatan pelajar                                                    | 80 |
| 4.15 | Koefisien pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar                                                   | 81 |
| 4.16 | Peratus taburan responden tentang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan mengikut urutan | 83 |
| 4.17 | Peratus taburan responden tentang kemudahan dan peralatan kokurikulum sukan dan permainan mengikut urutan            | 85 |
| 4.20 | Peratus taburan responden tentang penjadualan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan mengikut urutan               | 87 |
| 4.21 | Peratus taburan responden tentang kemahiran tenaga pengajar kokurikulum sukan dan permainan mengikut urutan          | 89 |

## SENARAI RAJAH

### Rajah

### Muka surat

- 1.1 Kerangka konseptual kemudahan dan peralatan, penjadualan, dan kemahiran tenaga pengajar dengan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan

14



## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dizahirkan seperti berikut : “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.” (Akta Pendidikan 1996 – Akta 550 )





Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini digubal dalam usaha kerajaan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta dapat memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara Malaysia yang tercinta.

Bagi memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani maka kokurikulum memainkan peranan yang utama bagi mencapai hasrat tersebut. Menurut Ramlan Abd. Wahab (2002), kokurikulum adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh.



Berdasarkan Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Rendah dan Menengah dalam Peraturan-Peraturan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U. (A) 531/97 menyatakan , “ kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Kurikulum kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan, untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan”.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kokurikulum merupakan satu aktiviti pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan selepas waktu pelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum berasaskan andaian bahawa pelajar-pelajar tidak mendapat pengalaman yang menyeluruh di dalam bilik darjah, maka kokurikulum diharapkan dapat menyediakan pelbagai pengetahuan dan pengalaman untuk perkembangan diri para pelajar.

Kokurikulum dilihat dapat melahirkan pelajar yang seimbang seperti mana hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial diharapkan dapat membentuk satu masyarakat Malaysia yang harmonis. Kokurikulum adalah wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutama dalam konteks melahirkan murid seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang bakal menghasilkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia (Ahmad, 2005).

Kokurikulum juga dilihat sebagai salah satu agen untuk membentuk perpaduan kaum serta memupuk semangat toleransi dan sifat-sifat mulia di kalangan mereka. Konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, merupakan satu langkah yang bertepatan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Hasrat dan cita-cita







murni ini diharap dapat menjadi pemangkin ke arah mencapai aspirasi negara sebagai negara maju menjelang 2020.

Kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia merangkumi sukan dan permainan, persatuan dan kelab, badan beruniform dan penyertaan dalam kegiatan-kegiatan lain sebagaimana ditentukan. Setiap pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya dalam salah satu kegiatan persatuan / kelab, badan beruniform dan sukan / permainan. Perkara ini dijelaskan melalui Perkara 5.1 SPI Bil 1/1985 Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah.



05-4506832 pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengedarkan pekeliling SPI Bil 1/1985 yang menjelaskan bahawa penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah. Pihak pengurusan sekolah hendaklah secara bertulis memberi tugas dan tanggungjawab yang spesifik, terperinci dan kuantitatif kepada setiap guru seperti yang dilaksanakan dalam bidang kurikulum. Adalah merupakan suatu kesalahan dari segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan dan kebertanggungjawaban penjawat awam ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin sekiranya guru enggan melaksanakan tugas yang telah diberikan kepada mereka.





Dalam usaha memperkasakan kegiatan kokurikulum di sekolah, kerajaan telah memperkenalkan dasar 10% kegiatan kokurikulum diambil kira sebagai kelayakan di samping 90% markah akademik bagi kemasukan pelajar lepasan sekolah ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pengiraan ini dilaksanakan mulai sesi akademik 2006/2007. Pelaksanaan dasar ini memperlihatkan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam memartabatkan kokurikulum di peringkat sekolah bagi melahirkan pelajar yang seimbang daripada pelbagai aspek. Bagi golongan pelajar pula, mereka merasakan penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum selama ini dihargai dan telah diberi pengiktirafan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan.



Penilaian aktiviti kokurikulum dilaksanakan pada setiap tahun sepanjang tempoh persekolahan pelajar. Purata Nilai Gred (GPA) dibuat berdasarkan dua markah tertinggi dalam penglibatan pelajar sama ada dalam kegiatan sukan / permainan, unit beruniform, dan kelab / persatuan. Markah ini kemudiannya dibahagi dua, dan purata bagi dua terbaik ini ditambah dengan markah bonus. Himpunan GPA ini akan dicampur bagi mendapatkan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) iaitu himpunan prestasi sepanjang tempoh persekolahan. Untuk mendapatkan markah 10%, markah akhir akan dibahagikan dengan 100 dan didarabkan dengan 10.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengeluarkan satu arahan bahawa setiap pelajar diwajibkan menyertai satu jenis sukan mulai tahun 2011. Beliau juga menambah, sebuah jawatankuasa sementara akan dibentuk untuk mengkaji memberi kredit kepada pelajar yang menyertai sukan. Tujuan pelaksanaan ini adalah





untuk mengubah persepsi ibu bapa yang sebelum ini melihat sukan tidak memberi makna sebaliknya lebih menekankan kepada pencapaian yang cemerlang dalam akademik semata-mata. Sukan dilihat bukan sahaja untuk meningkatkan tahap fizikal dan kualiti kesihatan, bahkan sebagai pemangkin dalam membangunkan modal insan iaitu generasi masa depan yang merupakan aset tenaga yang sangat penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi dan pembangunan negara. (Utusan Malaysia Online, 22 Februari 2010).

Penyertaan pelajar dalam sukan telah diwajibkan dalam kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di semua sekolah sebelum ini tetapi tidak diberi penekanan yang serius. Tan Sri Muhyiddin juga menjelaskan, matlamat utama pihaknya ialah untuk melihat setiap sekolah meletakkan sukan sebagai satu bidang yang perlu diberi keutamaan selain daripada akademik bagi mengembalikan sekolah sebagai institusi utama untuk melahirkan bakat-bakat sukan bagi membantu kebangkitan mutu sukan negara.

Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S) dilihat dapat membentuk generasi yang membudayakan sukan disamping menekankan kepentingan pencapaian akademik. Pelaksanaan dasar ini merangkumi murid sekolah rendah dan menengah mulai sesi 2011. Kemudahan sukan di setiap sekolah juga akan turut dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menjamin keberkesanan dasar yang dilaksanakan ini.





Dasar 1M1S ini dilihat selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat Malaysia. Bagi memulakan dasar ini, pelaksanaan di peringkat akar umbi iaitu di peringkat sekolah difikirkan paling berkesan untuk melihat kejayaan Dasar Sukan Negara. Dua strategi digunakan bagi pelaksanaan dasar ini iaitu Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan.

Makluman mengenai pelaksanaan Dasar 1M1S ini telah diedarkan kepada semua sekolah melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 16, Tahun 2010 bertarikh 1 Disember 2010. Pihak pentadbir sekolah adalah diminta memastikan beberapa perkara dipatuhi antaranya mewajibkan semua pelajar termasuk murid berkeperluan khas didaftarkan mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan.



Pengarah Bahagian Sukan Kementerian Pelajaran Malaysia, Puan Ee Hong berkata, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat satu tinjauan ke beberapa sekolah berkenaan pelaksanaan Dasar 1M1S ini. Hasil tinjauan mendapati 80% sekolah telah bersedia untuk melaksanakan dasar tersebut dan selebihnya 20% sekolah masih belum bersedia untuk melaksanakannya. Antara faktor sekolah-sekolah tersebut belum bersedia melaksanakannya ialah kerana menghadapi masalah kekurangan kemudahan dan kekurangan guru-guru yang berkemahiran dalam bidang sukan.

Selain itu, pihak sekolah juga perlu membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik. Penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran perlu dioptimumkan tanpa mengabaikan aspek keselamatan. Pihak sekolah





juga digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi pembangunan sukan di sekolah masing-masing. Pekeliling SPI Bil. 16, Tahun 2010 ini juga meminta pihak sekolah memastikan agar aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun dan tidak dilaksanakan secara bermusim sahaja.

Pelaksanaan dasar 1M1S di semua sekolah bermula tahun 2011 adalah berhasrat untuk membangunkan modal insan melalui penyertaan yang menyeluruh di kalangan murid dalam kegiatan sukan di sepanjang tahun. Disamping itu, dasar ini diharap dapat memupuk budaya bersukan di kalangan murid sekolah agar menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas.



Kongres Sukan dan Latihan Perubatan Antara Bangsa di Kuala Lumpur pada 20 Mac 2011 berkata, sukan berperanan sangat penting sebagai penghubung dalam menjalin hubungan antara pelbagai etnik, budaya, bangsa dan agama yang membentuk masyarakat yang bertenaga dalam pembinaan negara. (Berita Harian, 21 Mac 2011)

Matlamat aktiviti sukan ialah memupuk perkembangan personaliti pelajar secara menyeluruh dan seimbang dari aspek mental, fizikal, moral, sosial, dan rohani. Pelajar-pelajar ini diharapkan akan menjadi warganegara yang beriman, bertanggungjawab, berdikari, berkemahiran dan berdisiplin. Selain daripada itu, ia juga dapat melatih dan memupuk kualiti kepimpinan di kalangan pelajar melalui sukan. Menurut Phang Sok Lee (2002), galakan dan sokongan perlu diberikan kepada pelajar kerana bersukan dapat





meningkatkan jasmani, emosi, rohani dan intelek sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Galakan boleh dilakukan dengan menyediakan lebih banyak kemudahan dan peralatan sukan, menganugerahkan sijil atau pemberian biasiswa sebagai penghargaan.

### 1.3 Justifikasi Kajian

Kajian ini perlu dilakukan bagi melihat dasar kokurikulum yang baru diperkenalkan oleh Menteri Pelajaran Malaysia iaitu Satu Murid Satu Sukan (1M1S) yang dilaksanakan di semua sekolah mulai tahun 2011 dari segi kekangan-kekangan pengurusan kokurikulum seperti kemudahan dan peralatan, penjadualan, dan kemahiran guru-guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum sukan.



### 1.4 Penyataan Masalah

Kecemerlangan sesebuah sekolah pada hari ini pada pandangan masyarakat umum ialah sejauh mana sesebuah sekolah itu cemerlang dalam bidang akademik terutamanya dalam peperiksaan awam. Sekolah yang berjaya dalam akademik dianggap sekolah yang cemerlang. Muhamad Tarmizi (2002), masyarakat menganggap sistem pendidikan negara kita terlalu memberi penekanan ke atas pencapaian akademik. Disebabkan kegiatan kokurikulum bukan merupakan suatu mata pelajaran peperiksaan, maka pelajar mengamalkan sika sambil lewa terhadap kepentingan kegiatan kokurikulum di sekolah.





Antara masalah-masalah yang sering timbul dalam penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan adalah kekurangan peralatan di sekolah yang mengganggu kelancaran pelaksanaan kegiatan tersebut. Kekurangan kemudahan dan peralatan menyebabkan latihan atau aktiviti sukan dan permainan tidak dapat dilakukan dengan sempurna kerana kelancaran aktiviti sukan dan permainan sangat berhubung kait dengan kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolah. Kepentingan kemudahan dan peralatan dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan ini turut disokong oleh Mohd Jaflus Bahari (2005) yang menyatakan, faktor utama yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah masalah penggunaan alatan yang boleh digunakan pada waktu-waktu tertentu sahaja selain bilangan peralatan yang tidak mencukupi berbanding bilangan pelajar.



Selain kekurangan kemudahan dan peralatan sukan, kekurangan guru-guru yang berpengetahuan, berkecukupan dan berpengalaman dalam bidang sukan juga sedikit sebanyak memberi kesan terhadap penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan. Guru-guru yang tidak berpengalaman dilihat agak sukar mengajar segala kemahiran yang diperlukan dalam sukan terbabit kepada pelajar. Situasi ini menjadikan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan tidak mencapai matlamat yang diinginkan. Perkara ini juga mengakibatkan pelajar tidak berminat untuk mengikuti kegiatan kokurikulum sukan dan permainan. Eluni Hayati (2008), sikap dedikasi guru dalam melaksanakan pengajaran pendidikan jasmani akan memberi kesan positif terhadap persepsi dan minat pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Pandangan sama dinyatakan oleh Muhamad Tarmizi (2002),





penglibatan guru terutamanya guru Pendidikan Jasmani Kesihatan dapat menarik minat pelajar untuk menyertai kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah.

Kepentingan guru-guru yang berpengetahuan dan berkecualan dalam menjalankan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan turut dikongsi oleh Rosdan Hj. Abd. Majid (2006) yang menyatakan, kepentingan menghadiri kursus kejurulatihan dan memiliki sijil merupakan satu asset kepada guru-guru kerana ia akan lebih memberi keyakinan untuk mereka mendidik dan member latihan kepada pelajar.

Penjadualan kegiatan kokurikulum yang melibatkan sukan dan permainan juga merupakan salah satu masalah yang menyebabkan pelaksanaan aktiviti sukan tidak memberi kesan yang begitu positif. Kekangan yang sering timbul dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan ialah pertindihan dengan kelas-kelas tambahan yang diadakan untuk kelas peperiksaan. Ini menyebabkan para pelajar berada dalam dilema, menghadiri kelas tambahan atau mengikuti kegiatan kokurikulum sukan dan permainan. Mohd Jaflus Bahari (2005) dalam kajiannya mendapati, masalah-masalah yang sering dihadapi dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah kewangan, kemudahan dan peralatan yang tidak mencukupi, disamping penjadualan yang tidak bersistem. Masalah-masalah ini menjadi fokus kepada kajian untuk melihat pengurusan kokurikulum yang cekap mempengaruhi minat pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan.







## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk :

- i. Mengenalpasti tahap kemahiran guru-guru menguruskan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah.
- ii. Melihat sejauh mana penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah.
- iii. Mengesan kaitan di antara kemudahan dan peralatan, penjadualan dan kemahiran tenaga pengajar dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah.
- iv. Melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan antara sekolah bandar dan luar bandar.
- v. Mengenalpasti faktor yang paling mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah.

## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut :

- i. Adakah tenaga pengajar di sekolah berkemahiran untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan?





- ii. Adakah penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah sangat menggalakkan?
- iii. Adakah kemudahan dan peralatan, penjadualan dan kemahiran tenaga pengajar dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan ?
- iv. Adakah terdapat perbezaan antara penglibatan pelajar sekolah kawasan bandar dan luar bandar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan?
- v. Apakah faktor yang paling mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah?



Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang positif antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan dengan kemahiran tenaga pengajar.

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang positif antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan dengan penjadualan.


Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang positif antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan dengan kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolah .



Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan antara sekolah kawasan bandar dan luar bandar.

## 1.8 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Pembolehubah utama ialah penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan sebagai pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar ini dikaitkan dengan pembolehubah bebas yang merangkumi tiga faktor utama iaitu kemudahan dan peralatan, penjadualan, dan kemahiran tenaga pengajar.



*Rajah 1.1.* Kerangka Konseptual Hubungan Kemudahan dan Peralatan, Penjadualan dan Kemahiran Tenaga Pengajar dengan Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan dan Permainan.

### **1.8.1 Pembolehubah Kajian**

Pembolehubah kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu :

#### **1.8.1.1 Pembolehubah bersandar**

Pembolehubah bersandar dalam kajian yang dijalankan ini ialah penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan dan permainan di sekolah.

#### **1.8.1.2 Pembolehubah tak bersandar**

Pembolehubah tak bersandar dalam kajian ini ialah kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolah, penjadualan dan kemahiran tenaga pengajar.



## 1.9 Definisi Istilah

### 1.9.1 Pengurusan Kokurikulum

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah berjalan dengan sempurna, pengurusan kokurikulum yang cekap sangat diperlukan untuk melaksana, membuat pemantauan, menilai, memperbaiki, serta mencemerlangkan aktiviti kokurikulum di sekolah.



Dalam sesebuah organisasi, pengurusan adalah sangat penting. Tanpa pengurusan yang cekap matlamat sesebuah organisasi sukar untuk dicapai. Menurut Abdul Aziz (2003), pengetua atau guru besar memainkan dua peranan iaitu sebagai pemimpin dan pengurus yang saling bergantung antara satu sama lain. Bagi O'Sullivan et al. (1990) pula, peranan pengurusan bukan sahaja dilaksanakan oleh guru besar atau pengetua tetapi juga guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran dan guru-guru dengan tanggungjawab khusus.

Aminuddin (2002) pula berpendapat, pengurusan kokurikulum bermatlamat untuk menyelaras semua aspek pentadbiran, latihan, aktiviti penglibatan dan kejayaan keseluruhan supaya dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan agar mencapai objektif yang dirancang.





Berpandukan buku panduan kokurikulum yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah, beberapa indikator telah digariskan. Antara indikator tersebut ialah sekolah perlu berusaha menyediakan prasarana dan perkakasan serta peralatan untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum. Selain itu juga, bagi menjamin keberkesanan aktiviti kokurikulum, sekolah perlu mempunyai guru yang terlatih dalam bidang kokurikulum. Indikator itu juga turut memberi penekanan kepada perlunya penjadualan aktiviti kokurikulum untuk disebarkan kepada guru, murid dan ibu bapa.

### ***1.9.2 Kemudahan dan Peralatan***



Menurut Wilkes et al. (1997), kemudahan sukan terdiri daripada bangunan atau persekitaran yang digunakan untuk menjalankan aktiviti yang berorientasikan sukan. Kemudahan sukan meliputi lima dimensi utama iaitu :

- i. Lokasi fizikal
- ii. Perabot dan peralatan
- iii. Penyelenggaraan dan penggubahsuaian
- iv. Kesihatan, keselamatan dan kepatuhan pada peraturan
- v. Perkhidmatan-perkhidmatan tambahan.





Kemudahan dan peralatan sukan merupakan perkara yang penting dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan. Sekiranya kemudahan dan peralatan tidak disediakan atau tidak mencukupi, maka pelaksanaan kegiatan sukan mungkin akan terjejas. Menurut Mohd Jaflus Bahari (2005), perkara yang paling utama membataskan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan ialah masalah kemudahan peralatan yang tidak mencukupi.

### ***1.9.3 Penjadualan***

Penjadualan kegiatan kokurikulum yang bersistematik mampu melancarkan pelaksanaan kegiatan tersebut. Kajian yang telah dibuat Mohd Suzli (1997), mendapati antara masalah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum ialah masalah kewangan, kemudahan dan peralatan yang tidak mencukupi disamping penjadualan yang tidak sistematik.

### ***1.9.4 Kemahiran Tenaga Pengajar***

Keberkesanan pelaksanaan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan banyak bergantung kepada pengalaman dan kebolehan guru yang merupakan tenaga pengajar dalam menjayakan kegiatan tersebut. Muhamad Tarmizi (2002) menyatakan, pelajar menganggap penglibatan guru terutamanya guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan akan dapat menarik minat mereka untuk menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah.





Kemahiran tenaga pengajar meliputi kefahaman guru tentang strategi dan kaedah yang sesuai bagi melaksanakan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan, modul yang disediakan dan kursus berkenaan sukan yang diberikan kepada guru. Menurut Wong Mee Ling (2008), kejayaan dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah sangat bergantung kepada keberkesanan guru dalam menjalankan aktiviti dari aspek merancang, mengurus, melaksana dan menilai pencapaian pelajar.

#### ***1.9.5 Penglibatan Pelajar***

Berdasarkan SPI bil 1/1985 Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah, penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum di sekolah adalah wajib. Dalam kajian yang dijalankan ini, penglibatan pelajar dilihat dari segi kedatangan pelajar dalam aktiviti sukan dan dilihat sama ada rekod kehadiran dicatat atau tidak. Penglibatan pelajar juga dinilai sama ada penglibatan pelajar sekadar memenuhi kehadiran yang diwajibkan atau pelajar betul-betul bersemangat menyertai aktiviti sukan.

Penglibatan pelajar lelaki dan perempuan dalam aktiviti sukan kadang-kala memperlihatkan perbezaan yang ketara. Pada kebiasaanya, pelajar lelaki lebih cenderung terlibat dalam aktiviti sukan berbanding pelajar perempuan. Trend ini juga turut dinilai dalam kajian ini. Wong Huey Ling (2007) mendapati, terdapat hubungan yang signifikan dan kekuatan antara tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dengan pembentukan daya kepimpinan dimensi tanggungjawab menjalankan tugas.







Kecenderungan pelajar lelaki dalam kegiatan sukan turut disokong oleh Eluni Hayati Mat Yaman (2008), perkara ini menjadi lumrah kerana PJK yang berkaitan sukan lebih diminati oleh lelaki kerana kebanyakan pelajar lelaki lebih suka kepada aktiviti yang lasak dan mencabar berbanding pelajar perempuan yang mempunyai pewatakan yang lebih lembut.

### ***1.9.6 Kokurikulum Sukan dan Permainan***

Kokurikulum sukan dan permainan merupakan salah satu daripada tiga cabang aktiviti kokurikulum selain pakaian seragam dan kegiatan persatuan dan kelab. Sesuatu aktiviti itu dianggap sukan jika melibatkan peserta yang berkemahiran dan mempunyai peraturan-peraturan tertentu. Permainan pula tidak mempunyai tujuan yang jelas tetapi boleh berubah kepada sukan. Kokurikulum sukan dan permainan melibatkan permainan seperti bola sepak, ragbi, ping pong, hoki, memanah dan sebagainya.

Menurut Juslimah Jani (2006), berpanduan Dasar Sukan Negara yang digubal pada tahun 1988, sukan terbahagi kepada dua iaitu sukan massa dan sukan untuk kecemerlangan. Sukan massa merujuk kepada segala jenis sukan termasuk aktiviti rekreasi yang berbentuk fizikal dan penglibatannya terbuka kepada pelbagai lapisan masyarakat. Sukan berprestasi tinggi pula merujuk kepada sukan pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Manakala takrifan sukan berdasarkan Wikipedia pula, sukan terdiri daripada aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan untuk





pertandingan, keseronokan, pembangunan, kemahiran, kecemerlangan, dan sebagainya. Perbezaan tujuan inilah yang membezakan sifat sesuatu sukan itu. Misalnya, berenang secara persaingan di hadapan ribuan penonton akan dikira sebagai sukan tetapi berenang bersendirian di kolam atau laut dilihat sebagai aktiviti rekreasi.

### 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di tujuh buah sekolah menengah di Terengganu dan melibatkan responden seramai 341 orang guru sahaja. Dua buah sekolah di daerah Setiu yang mewakili sekolah luar bandar seramai 68 orang responden dan lima buah sekolah di daerah Kuala Terengganu yang mewakili sekolah kawasan bandar seramai 273 orang responden di pilih.

### 1.11 Kepentingan kajian

Hasil kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan kepada pelbagai pihak seperti mereka yang terlibat dalam pengurusan kokurikulum di sekolah iaitu Pengetua, Penolong Kanan Kokurikulum, Setiausaha Sukan dan guru-guru penasihat sukan dan permainan supaya dapat memperbaiki dan mengekalkan corak pengurusan sukan yang lebih bersistematik dan berkesan. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap sekolah seperti Jabatan Pelajaran Negeri





dan Pejabat Pelajaran Daerah dalam menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S).

Melalui kajian ini juga, segala masalah yang dikenalpasti diharap dapat membantu pihak pengurusan sekolah mencari tindakan yang efektif untuk meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi panduan dan cadangan kepada pihak pengurusan sekolah yang dibuat kajian mengenai isu dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah. Segala masalah yang dikenalpasti dalam kajian seperti kemudahan dan peralatan yang terdapat di sekolah, penjadualan kegiatan kokurikulum dan kemahiran tenaga pengajar yang terdapat di sekolah dapat ditangani dengan segera oleh pihak pengurusan sekolah bagi memastikan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah berjalan dengan sempurna.

## 1.12 Penutup

Kajian ini dilakukan untuk melihat dasar kokurikulum iaitu Satu Murid Satu Sukan (1M1S) yang telah dilaksanakan di semua sekolah dari segi kekangan-kekangan pengurusan kokurikulum seperti kemudahan dan peralatan, penjadualan kegiatan kokurikulum, dan kemahiran tenaga pengajar dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum. Kemudahan dan peralatan, penjadualan dan kemahiran tenaga pengajar merupakan faktor





yang penting dalam menentukan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Perbincangan lanjut mengenai ketiga-tiga aspek ini dilakukan dalam bab 2.

